

PENGHASILAN *HOMEPAGE* DAN *WEBSITE* SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT P&P KURSUS YANG DIAJAR (VIDEO, ARTIKEL, NOTA, LABSHEET DLL)

Dahlia bt Dahalan¹, Masarizan bt Mohamed¹

¹Politeknik Ungku Omar

dahlia@puo.edu.my

sarizan@puo.edu.my

ABSTRAK

Dewasa ini, penggunaan laman sesawang dan internet merupakan satu keperluan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki secara pantas. Penggunaan *Homepage* dan *Website* dalam P&P ini dilihat dapat membantu pensyarah memberikan maklumat-maklumat kepada para pelajar seperti artikel, nota, dan video yang berkaitan dengan kursus-kursus yang diajar. *Homepage* dan *Website* ini diinovasikan khas semua pelajar yang mengambil kursus matematik (1, 2 & 3) dan sains seperti mana yang terkandung dalam course outline pelajar politeknik. Disamping itu, *Homepage* dan *Website* ini dapat memberi manfaat kepada pelajar untuk membuat persediaan awal sebelum masuk kuliah. Dengan adanya *Homepage* dan *Website* ini, para pelajar juga boleh membuat ulangkaji sendiri secara atas talian. Para pelajar juga boleh memuat turun nota-nota kuliah pada bila-bila masa atau dimana jua. Antara tujuan inovasi dalam P&P menggunakan *Homepage* dan *Website* adalah untuk memberi kemudahan kepada pensyarah untuk menyampaikan maklumat tambahan berkaitan dengan P&P kepada pelajar. Disamping itu ia dapat memberi kemudahan kepada pelajar untuk meningkatkan pengetahuan dalam kursus yang berkaitan. Selain itu, ia juga dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari kursus-kursus yang dipelajari. Ia juga dapat berfungsi sebagai medium tambahan untuk pembelajaran sendiri bagi meningkatkan kefahaman pelajar di rumah setelah dimuat naik ke *Homepage* dan *Website*, CIDOS atau Youtube. *Homepage* dan *Website* pensyarah boleh dilayari di alamat <http://mudahfaham.weebly.com/>. Di dalam *homepage* ini terdapat pelbagai menu kursus yang diajar oleh pensyarah, pelajar boleh klik pada menu kursus yang berkaitan dan boleh membuka pelbagai menu lain yang terkandung didalamnya.

Keywords: *Homepage* dan *Website*, laman sesawang dan internet, nota-nota, CIDOS

1.0 Pengenalan

Terdapat beberapa definisi yang diberikan berkenaan dengan laman web. Menurut Mohd Arif & Mohd Jasmy (2000) menjelaskan laman web adalah laman yang mengandungi pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik, animasi audio dan video. Selain itu, ia juga turut mengambilkira kepada citarasa dan kreativiti pembinaan laman web tersebut. Manakala Zolkepli et al. (2001) menjelaskan laman web ialah integrasi grafik, teks dan bunyi dimuatkan ke dalam satu halaman paparan. Melalui laman web semua maklumat dapat diakses dengan hanya mengklik di hujung jari. Pembelajaran berasaskan laman web adalah kombinasi di antara elemen pendidikan dan teknologi elektronik yang dikenali sebagai E Pembelajaran, m-pembelajaran dan atau mobile learning. Kaedah ini membolehkan individu mengikuti sesi pembelajaran secara terbuka dan bebas dan keupayaan sendiri tanpa perlu mengikuti jadual atau menghadiri kelas yang ditetapkan. Aplikasi I (Zahiah & Abdul Razaq, 2009).

Berikut adalah beberapa definisi e-pembelajaran dan lain - lain istilah yang berkaitan dengannya yang pada keseluruhannya menekankan tentang jenis teknologi dan pedagogi yang telah dan sedang digunakan pada peringkat dalam negeri dan antarabangsa:


- Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudah cara pembelajaran dan pengajaran (KPT, 2011)
- Penggunaan rangkaian dan teknologi multimedia untuk meningkatkan mutu pembelajaran dengan memudahkan akses kepada pengetahuan dan sumber terpencil untuk membina masyarakat berpengetahuan (MEWC & OUM Malaysia, 2004)
- National American Council for Online Learning mendefinisikan e – pembelajaran sebagai kandungan pembelajaran dan pengajaran disampaikan menggunakan teknologi digital seperti teknologi dalam talian atau CD - ROM atau sebarang pengalaman pembelajaran melibatkan komputer (NACOL, 2007)
- Pembelajaran yang menggunakan ICT dalam pembelajaran jarak jauh dan mod bersemuka (Bennet, Iredale & Reynolds, 2010).
- Pembelajaran yang menggunakan e-pembelajaran dan pembelajaran dalam talian, digunakan secara silih berganti termasuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran berasaskan teknologi (CMCE, 2010)

2. Kaedah Pelaksanaan Inovasi


Sebelum perlaksanaan Homepage dan Website ini dilakukan, pensyarah telah mengenalpasti beberapa website yang boleh diketengahkan bagi kegunaan pelajar. Akhirnya, penggunaan website dengan menggunakan laman web weebly telah berjaya menarik minat pensyarah untuk menjadikan laman web ini sebagai medium perantaraan antara pensyarah dan pelajar. Proses penghasilan weebly ini mengambilkira beberapa langkah yang mudah untuk dituruti sehinggalah berjaya menghasilkan satu website yang lengkap yang memudahkan proses pembelajaran bagi pelajar. Homepage dan Website pensyarah juga boleh dilayari di alamat di laman web <http://mudahfaham.weebly.com/>. Di dalam homepage ini terdapat pelbagai menu kursus yang diajar oleh pensyarah, pelajar boleh klik pada menu kursus yang berkaitan dan boleh membuka pelbagai menu lain yang terkandung didalamnya.

2.1 Cara Penghasilan Web Weebly


1 : Taip <weebly> di laman ' internet ' dan klik carian



Langkah 2 : Laman <weebly> akan terpapar dan klik pada bahagian <try it free>




Langkah 3 : Satu kotak akan muncul dan perlu diisi maklumat – maklumat yang dikehendaki




The screenshot shows a web browser window with the URL <http://www.weebly.com/signup/cta1>. The page displays a sign-up form with the Weebly logo at the top. Below the logo, the text "Try It Free" is centered. The form contains three input fields: "Full Name", "Email", and "Password". A blue "Try It Free" button is positioned below these fields. Underneath the button, a line of text states: "By signing up, you agree to our [Terms of Service](#) and [Privacy Policy](#)". At the bottom of the form, there is a section for social media sign-up with the text "Or sign up with your social accounts" and two buttons: "f Sign Up" (Facebook) and "G+ Sign Up" (Google+). A link "Already have an account? [Log in](#)" is located at the very bottom of the form area. The Windows taskbar at the bottom shows several open applications, including Weebly Website Builder, and the system clock indicates 3:58 PM on 15/12/2015.

Langkah 4 : Pilih kotak <site>




The screenshot shows a web browser window with the URL <http://www.weebly.com/weebly/onboarding.php>. The page features a heading "What's the Focus of Your Site?". Below this heading are three selectable options, each represented by an icon in a box: "Site" (with a document icon), "Blog" (with a speech bubble icon), and "Store" (with a shopping cart icon). Below these options, a message reads: "You'll have access to all of our awesome features no matter what you choose!". The Windows taskbar at the bottom is identical to the previous screenshot, showing the same open applications and system clock (3:58 PM on 15/12/2015).


Langkah 5 : Pilih bidang yang sesuai< education>




Langkah 6 : My site akan terpapar dan klik <edit site>




Langkah 7 : Dari sini, pilih tema yang menarik sesuai dengan web yang diinovasikan




Langkah 8 : Untuk memberi nama pada web, klik pada <button> yang pertama dalam kotak domain dan pilih nama yang sesuai dan klik <continue>



Langkah 9 : My site untuk laman web dan homepage telah bersedia diinovasikan dengan nota, video, labsheet dll.



Langkah 10 : Hasil setelah diinovasikan



2.2 Cara Pelaksanaan Yang Digunakan


Dalam laporan ini, pensyarah menfokuskan kepada inovasi bagi kaedah yang digunakan dalam proses PnP agar proses tersebut menjadi lebih berkesan. Dalam kajian ini, untuk 4 minggu pertama, pensyarah menggunakan kaedah mengajar secara tradisional. Pensyarah hanya melakukan penerangan secara lisan beserta beberapa contoh yang boleh memberi kefahaman kepada pelajar dan mencatat rumus-rumus pada papan putih. Bagi sesi perbincangan pula pensyarah meminta beberapa sukarela daripada pihak pelajar untuk menjawab soalan di hadapan. Manakala di akhir sesi PnP bagi 4 minggu pertama, pensyarah telah mengedarkan soalan kaji selidik bagi mendapatkan maklumbalas mengenai kaedah pembelajaran secara tradisional. Seterusnya kaedah **Homepage dan Website sebagai sumber maklumat P&P** diaplikasikan di dalam kelas bagi 4 minggu seterusnya. Diakhir fasa ke 2 ini, pensyarah sekali lagi mengedarkan soalan soal selidik kepada para pelajar bagi mendapatkan maklumbalas. Dan pelajar telah memberi maklum balas yang positif terhadap apa yang telah diperolehi melalui impak pelaksanaan **Homepage dan Website sebagai sumber maklumat P&P**.

3.0 Hasil Soal Selidik Yang Dijalankan Sebelum Dan Selepas Penggunaan Web Dijalankan

	Code & Course :	DBH3023-ENG. MATHS ELECTRICAL 3	Semester:4	
	Lecturer:	PN. DAHLIA BINTI DAHALAN	Class: DTK4A	
	Total students:	35 students		
Bil	Female(age)	Male(age)	PRE TEST	POST TEST
1	18-20		10	21
2	18-20		10	25
3	18-20		10	20
4	18-20		10	25
5	18-20		10	25
6	18-20		10	24
7	18-20		10	24
8		18-20	13	20
9		18-20	13	20
10		18-20	13	20
11		18-20	15	20
12		18-20	13	20
13		18-20	12	20
14		18-20	12	20
15		18-20	15	20
16		18-20	15	20
17		18-20	14	25
18		18-20	11	25
19		18-20	10	25
20		18-20	12	25
21		18-20	10	20
22		18-20	10	25
23		18-20	10	25
24		18-20	10	25
25		18-20	14	25
26		18-20	15	25
27		18-20	10	20
28		18-20	10	20
29		18-20	10	20
30		18-20	10	25
31		18-20	10	25
32		18-20	9	25
33		18-20	10	20
34		18-20	10	25
35		18-20	10	20
		average:	11.31	22.54

Page

ANALISA INOVASI PENGHASILAN HOMEPAGE & WEBSITE SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT PNP BAGI KURSUS YANG DIAJAR DTK4A



4.0 Perbincangan

Penghasilan Homepage dan Website dalam P&P boleh menjadi medium tambahan bagi membantu pelajar Politeknik Ungku Omar umumnya dan bagi setiap jabatan khususnya bagi memahami proses pembelajaran. Ini penting kerana penggunaan Homepage dan Website merupakan satu medium pendidikan terkini bersesuaian dengan era terkini yang lebih global.

5.0 Kesimpulan

Homepage dan Website ini telah memberikan impak yang tinggi terhadap prestasi akademik pelajar. Antaranya ialah merangsang minat pelajar untuk mempelajari kursus yang diajar oleh pensyarah. Selain ini, **Homepage dan Website** ini boleh juga berfungsi sebagai modul pembelajaran sendiri untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam mempelajari kursus yang berkaitan. Misalnya, bagi pelajar yang tidak dapat menghadiri diri ke kuliah kerana sakit atau hal-hal lain yang tidak dapat dielakkan, pelajar tersebut boleh melayari **Homepage dan Website** tersebut untuk belajar secara sendiri. Pelajar boleh melayari **Homepage dan Website** ini pada bila-bila masa sebagai rujukan. Ini menjadikan proses pembelajaran akan terus berlangsung tanpa bergantung kepada kuliah yang hanya memperuntukkan beberapa jam seminggu.

Rujukan

Mohd Arif Ismail & Mohd Jasmay. (2000). Pembinaan laman web untuk pengajaran fokus terhadap kursus GE2123: Teknologi dan inovasi dalam pendidikan. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2000. Hotel Equatorial Bangi. 14-15 November 2000.

Zolkepli Haron.(2001). Persepsi pelajar PJJ UKM terhadap pembelajaran secara online. Pembentangan kertas kerja konvokesyen persatuan teknologi pendidikan malaysia kali ke 14. Hotel Goldcourse, klang. 11-14 September 2001

Zahiah kassim & Abdul Razaq Ahmad. (2009). E- pembelajaran : Evolusi internet dalam Pembelajaran Sepanjang hayat: UKM

Abdul Aziz bin Abdul Ghani(2009). Keberkesanan Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, OUM

Bruce, B. C., & Hogan, M. C. (1998). The disappearance of technology: Toward and ecological model of literacy. In D. Reinking, M. McKenna, L. Labbo, & R. Kieffer

(Eds.), Handbook of literacy and technology: Transformations in a post-typographic world (pp. 269-281). Hillsdale, NJ: Erlbaum.

NO	VALUATION ASPECT	SCALE					
		1	2	3	4	5	TOTAL
A	Current level of student's knowledge for studying this course						
B	Current level of student's understanding in studying this course						
C	Level of knowledge gains from this website for this course						
D	Website production is more efficient to attract students learn than the conversional method						
E	Increased student motivation and creativity when learning using this website for <u>carculating</u> (video and notes)						
TOTAL							

